

UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA EN. ADAM YII SIEW SANG
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA MIRI**

DI DALAM

**MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN KEM KESEDARAN ALAM
SEKITAR (KEKAS) SEMPERNA SAMBUTAN HARI BUMI PERINGKAT
NEGERI SARAWAK 2020**

**8 MAC 2020 (AHAD)
IMPERIAL PALACE HOTEL, MIRI**

1. Terlebih dahulu saya memanjatkan rasa syukur yang tidak terhingga kerana petang ini kita dapat berkumpul di Majlis Perasmian Penutupan Kem Kesedaran Alam Sekitar (KEKAS) Sempena Sambutan Hari Bumi Peringkat Negeri Sarawak 2020 ini.
2. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada pihak Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak dan PETRONAS Carigali Sdn Bhd – Sarawak Oil selaku penganjur bersama di dalam penganjuran program kem kesedaran alam sekitar (KEKAS) pada kali ini. Ucapan terima kasih turut ditujukan kepada pihak Sarawak Forestry Corporation yang telah bekerjasama dan menyokong program kem kesedaran alam sekitar (KEKAS) bagi bandar Miri. Ucapan tahniah saya juga tujukan kepada pengetua, guru-guru dan pelajar-pelajar dari SMK Pujut, SMK Riam, SMK Lutong, SMK Merbau dan SMK Lopeng Tengah yang telah melibatkan diri dalam program kesedaran alam

sekitar. Kerjasama Tuan-Tuan dan Puan-Puan semua menunjukkan sokongan dan komitmen di dalam menjayakan usaha mempromosikan program kesedaran alam sekitar terutamanya di Bandar Miri.

Hadirin sekalian,

3. Perubahan iklim membawa kesan yang serius kepada dunia. Intergovernmental Panel on Climate Change (IPCC) meramalkan peningkatan paras air laut dari proses pencairan glasier akibat dari kesan pemanasan global boleh meningkatkan paras laut menjelang tahun 2100. Kenaikan paras laut tertinggi di semenanjung di jangka berlaku di pantai Kedah iaitu 0.52 meter, Kelantan 0.47 meter, dan Sarawak di pantai Miri setinggi 0.59 meter dan Sabah di Pantai Tawau setinggi 1.06 meter. Di kawasan mendatar, pantai mungkin beralih beberapa batu ke kawasan dalaman. Kesan lain adalah seperti banjir, kemarau yang boleh menjadi lebih kerap dan teruk. Perubahan suhu juga memberi kesan kepada kelembapan tanah yang boleh memberi kesan kepada kehidupan manusia dan benda lain termasuk ekosistem semula jadi, pertanian dan bekalan makanan, hutan, sumber air, penggunaan tenaga dan pengangkutan.

Hadirin sekalian,

4. Sebagai penduduk di kawasan Miri, kita seharusnya berasa bangga kerana pembangunan bandar yang dijalankan di sini adalah seimbang dan masih mementingkan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar secara keseluruhannya. Majlis Bandaraya Miri telah melalui pelbagai perubahan bermula daripada pelan strategik dengan visi "*The Most Liveable Resort*

City” atau “Bandaraya Peranginan Yang Paling Sesuai Didiami” dengan misi baru iaitu Untuk menjadi sebuah Pihak Berkuasa Tempatan yang efisien dengan menyediakan perkhidmatan yang berkualiti. Perubahan penting lain adalah terbentuknya Residents Committee yang memberi peluang kepada penduduk setempat untuk memberi pandangan dalam pengurusan kawasan penempatan mereka sendiri. Penduduk setempat bertindak sebagai mata, telinga dan mulut bagi Majlis Bandaraya Miri dan agensi-agensi kerajaan seperti JAS dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

5. Di bawah Seksyen Pembangunan Lestari yang dulunya dikenali sebagai Miri Local Agenda 21, program-program seumpama kesedaran alam sekitar, pembersihan pantai dan sungai serta gotong-royong giat dijalankan hasil kerjasama agensi kerajaan dan sektor korporat, seperti JAS dan PETRONAS. Melalui Local Agenda 21 ini, kempen “*Say No To Plastic Bags*” dan “*Say No To Styrofoam*” diperkasakan demi menjadikan Miri sebagai *Green City*”.

Hadirin sekalian,

6. Sesungguhnya program Kem Kesedaran Alam Sekitar seumpama ini, mampu memberikan kesedaran dan melatih generasi masa hadapan kepada gaya hidup yang lestari dan peka kepada alam sekitar. Pendidikan yang diterapkan di peringkat sekolah amatlah bertepatan dengan pendekatan ‘*melentur buluh biarlah dari rebungnya*’ yang membawa maksud membentuk individu atau

kumpulan orang atau masyarakat dari peringkat awal supaya amalan hidup yang sihat dan cakna kepada perlindungan dan pemuliharaan alam sekitar difahami dan menjadi amalan harian di kalangan kita. Usaha memberikan pendedahan dan menyuburkan gaya hidup lestari kepada masyarakat hendaklah sentiasa diperhebatkan dengan kempen dan aktiviti yang sihat.

7. Akhir kata, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan terima kasih dan syabas kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penganjuran program hari ini dan berharap ianya dijadikan acara tahunan dan diteruskan. Semoga melalui program sebegini, inisiatif menangani isu-isu pemanasan global dan perubahan iklim dapat ditingkatkan dalam usaha kita memelihara dan memulihara alam sekitar. Sokongan dan kerjasama semua adalah penting bagi menjamin keselamatan, kesihatan dan persekitaran ini terus berkekalan demi kesejahteraan dan keharmonian sejagat.
8. Dengan ini saya berbesar hati merasmikan Perasmian Penutupan Kem Kesedaran Alam Sekitar (KEKAS) Sempena Sambutan Hari Bumi Peringkat Negeri Sarawak 2020.

Sekian. Terima kasih.